MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 62
No. 21

**15hb Oktober 2018**

*TAMBAHAN No. 112*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 259.**

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 3) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

**Pengecualian**

2. (1) Bagi maksud perenggan ini, "penyedia kredit" ertinya—

*(a)* bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

*(b)* bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];

*(c)* institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

**Rectification**

2. The reprint of the English language text of the Election Offences Act 1954 [*Act 5*] published in the year 2016 incorporating all amendments up to 1 December 2016 is rectified in subsection 6(3) by substituting for the words "ball ot" the word "ballot".

Made 11 October 2018
[PN(SU.2)1/rep/5 Jld 3; PN(PU2)231/IV]

DATO' SITI ZAWAHIR BINTI MOHAMED
*Commissioner of Law Revision Malaysia*

**P.U. (A) 261.**

AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (PEMBETULAN AKTA PILIHAN RAYA 1958) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [*Akta 1*], Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-Undang (Pembetulan Akta Pilihan Raya 1958) 2018**.

**Pembetulan**

2. Cetakan semula Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*] yang disiarkan dalam tahun 2016 yang mengandungi segala pindaan hingga 1 Disember 2016 dibetulkan—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

(i) dalam perenggan 7(1)*(c)*, dengan menggantikan perkataan "pusat atau pusat-pusat akan ditubuhkan" dengan perkataan "tempat atau tempat-tempat akan ditubuhkan"; dan

(ii) dalam subperenggan 7(1)*(d)*(iii), dengan menggantikan perkataan "pusat atau pusat-pusat yang telah ditetapkan" dengan perkataan "tempat atau tempat-tempat yang telah ditetapkan"; dan

*(b)* dalam teks bahasa Inggeris—

(i) dalam seksyen 10, dengan memasukkan selepas perkataan "No person shall" perkataan "be"; dan

(ii) dalam seksyen 17, dengan menggantikan perkataan "after any regulation" dengan perkataan "after any regulations".

Dibuat 11 Oktober 2018
[PN(SU.2)/1/rep/05/Jilid 5; PN(PU2)231/IV]

DATO' SITI ZAWAHIR BINTI MOHAMED
*Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia*

REVISION OF LAWS ACT 1968

REVISION OF LAWS (RECTIFICATION OF ELECTIONS ACT 1958) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Revision of Laws Act 1968 [*Act 1*], the Commissioner of Law Revision makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Revision of Laws (Rectification of Elections Act 1958) Order 2018**.

**Rectification**

2. The reprint of the Elections Act 1958 [*Act 19*] published in the year 2016 incorporating all amendments up to 1 December 2016 is rectified—

*(a)* in the national language text—

(i) in paragraph 7(1)*(c)*, by substituting for the words "pusat atau pusat-pusat akan ditubuhkan" the words "tempat atau tempat-tempat akan ditubuhkan"; and

(ii) in subparagraph 7(1)*(d)*(iii), by substituting for the words "pusat atau pusat-pusat yang telah ditetapkan" the words "tempat atau tempat-tempat yang telah ditetapkan"; and

*(b)* in the English language text—

(i) in section 10, by inserting after the words "No person shall" the word "be"; and

(ii) in section 17, by substituting for the words "after any regulation" the words "after any regulations".

Made 11 October 2018
[PN(SU.2)/1/rep/05/Jilid 5; PN(PU2)231/IV]

DATO' SITI ZAWAHIR BINTI MOHAMED
*Commissioner of Law Revision Malaysia*

**P.U. (A) 262.**

AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (PEMBETULAN PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [*Akta 1*], Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-Undang (Pembetulan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002) 2018**.

**Pembetulan**

2. Cetakan semula teks bahasa kebangsaan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [*P.U. (A) 293/2002*] yang disiarkan dalam tahun 2016 yang mengandungi segala pindaan hingga 1 Disember 2016 dibetulkan—

(*a*) dalam subperaturan 15(5), dengan menggantikan perkataan "memberikan maklumat lanjut" dengan perkataan "meminta maklumat lanjut"; dan

(*b*) dalam subperaturan 22(1), dengan menggantikan perkataan "tuntutan dan bantahan diputuskan" dengan perkataan "tuntutan atau bantahan diputuskan".

Dibuat 11 Oktober 2018
[PN(SU.2)/1/rep/05/Jilid 5; PN(PU2)231/IV]

DATO' SITI ZAWAHIR BINTI MOHAMED
*Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia*